

PENJELASAN TH MENGENAI VISA ARTIS TUNAI HAJI

KUALA LUMPUR, Selasa, 6 September 2016: Lembaga Tabung Haji (**TH**) ingin memperbetulkan persepsi khalayak umum mengenai laporan yang dipaparkan di media berkenaan seorang artis yang dapat menunaikan haji dalam jangkamasa menunggu yang pendek seperti yang telah dijelaskan dalam kenyataan akhbar **TH** terdahulu bertarikh 10 Ogos 2016.

Perlu difahami bahawa pemberian visa haji adalah hak mutlak Kerajaan Arab Saudi yang diuruskan melalui kedutaan negara itu dan sebarang pemberian visa secara langsung kepada mana-mana pihak adalah atas budi bicara mereka.

Visa haji yang diperoleh oleh artis berkenaan adalah tidak melalui **TH** dan tiada kaitan dengan kuota haji rasmi negara yang telah diperuntukkan kepada **TH**.

Beliau telah mendapat visa secara terus daripada kedutaan Arab Saudi. Namun begitu, beliau memilih untuk menggunakan perkhidmatan Pengelola Jemaah Haji yang dilesenkan oleh **TH**.

TH sentiasa mengamalkan sistem pendaftaran terbuka yang telus dan tiada pilih kasih dalam penentuan giliran. Proses penentuan tarikh bagi seseorang jemaah negara adalah tertakluk kepada kriteria tertentu yang telah ditetapkan.

TH mohon agar isu ini tidak disensasikan, kerana panggilan ke Baitullahilharam adalah mengikut daya usaha seseorang serta ketentuan Allah SWT.

Kenyataan Oleh:

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat
Lembaga Tabung Haji

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 123 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.